



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 14 MAC 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	CAP GESA KPKM ATASI MASALAH PESAWAH KADA, NEGERI,SH-26 NACCOL OFFICIAL ASK IF PM GETTING RIGHT INFO,FRONTPAGE/NATION NST-1&4 KE MANA HILANG BERAS TEMPATAN, MUKA DEPAN/DALAM NEGERI,UM-1&2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4. 5. 6.	MAQIS JOHOR SITA <i>PORK BELLY</i> SEBERAT 25 TAN DARI SEpanyol,NEGARA,KOSMO-18 PORK BELLY WORTH RM400,000 SEIZED, NATIONAL,THE SUN-4 MAQIS JOHOR SITA 25 TAN PERUT BABI BERNILAI RM400,000,NEGERI,SH-25	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7. 8. 9. 10.	MUDAHNYA TANAM SALAD, GAYA TANI,UM-26 HARGA SAYUR NAIK 25 PERATUS JIKA BATAL KUOTA PEKERJA ASING, MUKA DEPAN/NASIONAL, BH-1&3 PASAR BORONG PASIR PUTEH RANCAK SEKTOR AGROMAKANAN, TIMUR, HAKAKAH-H15 GALAK ANAK MUDA USAHA TANAH TERBIAR, BULETIN DARUL NAIM, HAKAKAH-H22	LAIN -LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## CAP gesa KPKM atasi masalah pesawah KADA

**GEORGE TOWN** - Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh para pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) bagi meningkatkan hasil pendapatan mereka dan pengeluaran beras negara.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, selain infrastruktur menjadi salah satu punca kemerosotan hasil padi di KADA, ada beberapa lagi faktor lain antaranya serangan serangga perosak.

Katanya, faktor lain ialah penyusutan tanah sawah akibat pelaksanaan projek pembangunan serta lain-lain masalah seperti ancaman banjir, kemarau, serangan serangga perosak termasuk tanah sawah jerulus turut menyumbang kepada kekurangan hasil padi di kawasan ini.

"Walaupun hasil padi di kawasan tersebut melepasi purata hasil nasional 4.1

tan metrik sehektar, KADA masih ketinggalan berbanding hasil di Selangor iaitu 4.32 tan metrik, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) 4.24 tan metrik dan Pulau Pinang 5.05 tan metrik sehektar," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Mohideen menambah, masalah sistem pengairan tidak sempurna dan gagal berfungsi dengan berkesan telah menyebabkan beberapa kawasan sawah di KADA terancam.

"Banyak pokok padi terencat pembesarannya musnah akibat kemarau dan banjir. Pada Mei 2023, seluas 7,800 hektar tanaman padi di kawasan ini terjejas berikutan cuaca panas yang berlaku di Kelantan.

"Selain itu, pada Disember tahun yang sama, KADA turut mengalami kerugian sebanyak RM17 juta akibat kemusnahan pokok padi ditenggelami air ketika banjir.

"Pada 2022 pula, seluas 1,000 hektar tanah sawah menjadi jerulus berpunca da-

ripada masalah sistem saliran. Akibatnya, KADA telah kehilangan hasil padi sebanyak 4,200 tan metrik," tambahnya lagi.

Beliau berkata, kejadian itu amat membimbangkan CAP kerana jika tidak ditangani segera, dibimbangi lebih luas tanah sawah di jelapang padi tersebut tidak dapat diusahakan lalu terbiar.

Justeru, untuk menyelamatkan masa depan sumber pendapatan dan kehidupan 7,648 pesawah selain mengekalkan 25,149 hektar kawasan sawah di KADA, CAP berharap KPKM mengambil tindakan segera ke atas punca-punca berlakunya masalah tersebut.

"CAP juga meminta jabatan dan agensi yang terlibat memberi perhatian serius terhadap kesan penggunaan racun perosak serta jentera berat yang boleh mengancam alam sekitar dan menjejaskan tanah sawah.

"CAP percaya, jika masalah tersebut berterusan, ia bukan saja para pesawah KADA akan mengalami kesempitan hidup malah bekalan makanan untuk rakyat dan sektor pertanian negara juga akan terjejas," katanya.



**MOHIDEEN**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2024	NEW STRAITS TIMES	MUKA DEPAN	1



# NACCOL OFFICIAL ASKS IF PM GETTING RIGHT INFO

DATUK Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, the National Action Council on Cost of Living (Naccol) food cluster task force chairman, raises this question after his team found 30 locations in the peninsula that did not have stocks of local white rice. At a recent Naccol meeting, an officer also told the prime minister that there were enough rice stocks in the market, but a hypermarket representative said otherwise. Syed Abu Hussin says this means that the officer is not providing the right information to the PM.

▶▶ REPORT ON PAGE 4

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2024	NEW STRAITS TIMES	NATION	4

COMPLICATED ISSUE

# 'IS PM GETTING THE RIGHT INFORMATION?'

Naccol food cluster task force chief says checks show no stocks of local white rice

ADIB POVERA  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**A** MEMBER of parliament has asked if prime minister and National Action Council for Cost of Living (Naccol) chairman Datuk Seri Anwar Ibrahim has been supplied with the correct information on the stock and supply of local white rice in the country.

In an interview with the *New Straits Times*, Naccol food cluster task force chairman Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal raised the question after saying his team learned of the real situation three days ago.

He said checks by the task force's monitoring team at 30 locations in the peninsula found that there were no stocks of local white rice in the market.

"It is unfortunate that the prime minister had to take the blame and be reprimanded for this, when the issue is also about

whether the officers from the authorities responsible had provided him with accurate information or otherwise during the Naccol meeting.

"During one of the Naccol meetings, the padi and rice control director-general told the prime minister that rice stocks are available and enough in the market, but a representative from a hypermarket said otherwise.

"This means that the officer responsible is not providing the right information to the prime minister. This situation has made the issue more complicated," said Syed Abu Hussin, who is Bukit Gantang MP.

He said he wanted the director-general of the Padi and Rice Control Division to be held responsible for the situation relating to the supply of local white rice.

"If the enforcement agencies responsible do their job accordingly, consumers will likely still enjoy buying white rice at RM20 (per pack). But over the past six months, people have had to fork out more money to buy a packet of rice," he said.

Syed Abu Hussin also stood by his proposal for the proposed

Madani white rice to be sold at RM30 for a 10kg packet.

The proposal, he said, was made after taking into consideration the interest and views of all stakeholders, including millers and padi farmers, as well as consumers.

He claimed that rice millers had expressed willingness to buy padi at RM1,500 per metric tonne, which was RM200 more than the ceiling price.

"I have asked four major rice millers in the country about my proposal (for a pack of 10kg white rice to be sold at RM30).

"These rice millers said that they are willing to buy padi at RM1,500 per metric tonne from farmers."

Syed Abu Hussin said he was also aware of the grouses by padi farmers for the government to increase the ceiling price of padi to RM1,700 per metric tonne.

"The government, at present, is subsidising RM500 per metric tonne.

"My proposal is that if we want to create a win-win situation for farmers without burdening consumers, perhaps the government could increase the amount of subsidy by another RM200 (per metric tonne)," he said.



Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

# Ke mana hilang beras tempatan?

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB  
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Isu ketiadaan bekalan beras tempatan di pasaran menimbulkan tanda tanya ke mana hilangnya hasil yang dikeluarkan para petani negara ini yang jumlahnya sekitar 1.6 juta tan metrik setahun.

Orang ramai bertanya-tanya ke mana perginya beras yang dihasilkan dari kawasan Lembaga Pembangunan Pertanian Muda (MADA), Sekinchan dan lain-lain yang sepatutnya menampung lebih

Setiap tahun Malaysia

keluar 1.6 juta tan metrik namun bekalan tiada di pasaran

60 peratus daripada keperluan negara.

Senario sekarang seolah-olah menggambarkan Malaysia mengimport beras 100 peratus kerana yang dijual dikedai

semua dilabelkan sebagai import.

Sedangkan realitinya beras import hanya sekitar satu juta tan metrik atau kira-kira 40 peratus.

Rata-rata rakyat pula mengeluh kerana jika dahulu boleh beli beras tempatan pada harga RM26 bagi kampil 10 kilogram, kini ia hampir tidak lagi kelihatan kerana yang ada di rak-rak pasar raya dan kedai runcit sejak setahun lalu semuanya dilabelkan sebagai beras import.

**Bersambung di muka 2**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

## Ke mana hilang beras tempatan?

Dari muka 1

Tinjauan di beberapa negeri seperti Selangor, Kedah dan Perlis pada hari pertama Ramadan kelmarin mendapati, bekalan beras import memenuhi rak di pasar raya-pasar raya dan kedai-kedai runcit. Harga beras import pelbagai jenama dijual RM40 hingga RM65 bagi kampil 10 kilogram.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman berkata, masalah ketiadaan beras tempatan sejak setahun lalu diyakini terus berlarutan selagi tidak diselaraskan gred tunggal beras import dan tempatan.

Katanya, agensi-agensi yang membantu membekalkan beras tempatan kepada peruncit antaranya seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) jika dilihat sebenarnya tidak cukup dan tidak sampai satu peratus.

Menurut beliau, berikutan masalah tersebut, rakyat terpaksa menggunakan beras import dengan harganya jauh lebih mahal berbanding tempatan.

"Sebab itu kena selaras satu gred beras sahaja dan ditetapkan satu harga. Isu ketiadaan bekalan beras tempatan di pasaran ini bukan baharu malah sudah hampir setahun.

"Sebagaimana yang saya selalu ulang, punca ketiadaan bekalan beras tempatan ini apabila pemborong-pemborong besar mencampur beras tempatan dan import seterusnya dijual pada harga beras import bagi mengaut lebih keuntungan.

"Jadi, mereka juga tidak kisah untuk membeli padi dengan harga lebih tinggi me-



**BERAS import memenuhi rak di pasar-pasar raya manakala beras tempatan boleh dikatakan jarang ditemukan sejak setahun lalu. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN**

lebih RM1,300 per tan metrik. Beli harga padi dengan harga melebihi RM1,300 memang sukarlah menghasilkan beras berharga RM26," dakwanya.

Pada 2019, Malaysia merekodkan pengeluaran 1,516,341 tan metrik beras putih tempatan manakala pada 2020 sebanyak 1,624,468 tan metrik, 2021 pula sebanyak 1,686,368 tan metrik, tahun 2022 sebanyak 1,574,960 tan metrik dan sehingga Oktober 2023 adalah 1,181,911 tan metrik.

Sementara itu, seorang pesawah, Mohd. Nazri Subuh, 48, berkata, penguatkuasaan perlu lebih tegas dalam mengatasi isu ketiadaan bekalan beras tempatan di pasaran bagi mengelak masalah sama terus berulang.

Katanya, masalah ketiadaan beras tempatan bukan baharu sedangkan pesawah menyediakan bekalan padi bagi menghasilkan beras yang disifatkan cukup untuk menam-

pung keperluan pengguna.

"Di peringkat pesawah, kita pun tidak pasti bila masalah ketiadaan bekalan beras tempatan ini akan berakhir. Mungkin cadangan menetapkan satu gred beras ini perlu dilaksanakan dengan harga RM30 ke RM35," katanya.

Dalam pada itu, seorang pengguna, Ismail Hashim 50, berkata, sudah lama keluarganya menggunakan beras import dengan harga lebih mahal berikutan kesukaran mendapatkan beras tempatan di pasaran.

Malah katanya, bagi Ramadan kali ini, zakat fitrah yang ditetapkan di negeri ini adalah RM7 bagi yang menggunakan beras tempatan dan RM10 bagi penggunaan beras import.

"Kebanyakan penduduk sekarang makan beras import kerana kesukaran mendapatkan beras tempatan, jadi perlu membayar zakat fitrah pada kadar RM10," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/8/2024	KOSMO	NEGARA	18

## Maqis Johor sita pork belly seberat 25 tan dari Sepanyol

**JOHOR BAHRU** – Daging babi bahagian *pork belly* seberat 25 tan yang dibawa masuk ke negara ini dari Sepanyol disita Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor di Pelabuhan Pasir Gudang, di sini semalam.

Pengarahnya, Eddie Putra Md. Yusof berkata, daging bernilai RM400,000 itu ditahan selepas

pemeriksaan dilakukan terhadap dap sebuah kontena yang tiba di kawasan pemeriksaan import, pelabuhan berkenaan, pada pukul 6 petang.

"Pemeriksaan mendapati, bahagian berkenaan tidak mematuhi syarat import kerana tiada label yang diletakkan pada setiap bungkus daging babi tersebut, sedangkan syarat permit menyara-

takan setiap daging hendaklah dilabel pada setiap bungkus dengan nama, alamat, nombor loji dan tarikh penyembelihan.

"Kesalahan itu tertakluk di bawah Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 15(2) akta sama.

"Jika sabit kesalahan, boleh di-

denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Tambah beliau, pihaknya turut mengambil keterangan wakil pengimport iaitu ejen penghandaran yang merupakan seorang lelaki tempatan berusia 47 tahun.

"Maqis sentiasa menjalankan

penguatkuasaan di semua pintu masuk negara bagi memantau dan memeriksa setiap keluaran sektor pertanian.

"Ini bagi memastikan tumbuhan, haiwan, ikan dan mikroorganisma yang diimport bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2024	THE SUN	NATIONAL	4

## Pork belly worth RM400,000 seized

**JOHOR BAHRU:** The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department seized 25 tonnes of pork belly from Spain, worth RM400,000 during an inspection at Pasir Gudang Port on Tuesday.

Its Johor director Edie Putra Md Yusof said the inspection found that the consignment did not comply with import requirements as there was no label placed on each pork package.

"The conditions of the permit state that each meat must be labelled on each package with the name, address, plant number and date of slaughter," he said in a statement yesterday.


He added non-compliance with import requirements is an offence under Section 15(1) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728), and offenders can be punished under Section 15(2) of the same law.

Edie Putra said the department also took the statement of the importer's representative, a 47-year-old Malaysian. – Bernama



<b>TARIKH</b>	<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
14/3/2024	SINAR	NEGERI	25

FOTO: MAQIS JOHOR



**Kontena yang menempatkan bungkusan daging babi import berkenaan.**

## Maqis Johor sita 25 tan perut babi bernilai RM400,000

**PASIR GUDANG** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor menyita 25 tan daging perut babi bernilai RM400,000 dari Sepanyol kerana tidak mematuhi syarat import ketika pemeriksaan di Pelabuhan Pasir Gudang di sini pada Selasa.

Pengarahnya, Edie Putra Md Yusof berkata, kesemua daging berkenaan cuba dibawa masuk menerusi sebuah kontena di kawasan pemeriksaan import pelabuhan itu pada jam 6 petang.

“Hasil pemeriksaan mendapati konsainan itu tidak mematuhi syarat import kerana tiada label yang diletakkan pada setiap bungkusan.

“Syarat permit menyatakan setiap daging hendaklah dilabel pada setiap bungkusan dengan meletakkan nama, alamat, nombor loji dan tarikh penyembelihan,” katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Edie Putra berkata, perbuatan itu menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 15 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 15 (2) akta sama.

Menurutnya, pihaknya turut mengambil keterangan daripada wakil pengimport iaitu ejen penghantaran merupakan seorang lelaki tempatan berusia 47 tahun.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2024	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	26

**S**AYUR salad enak di makan sebagai ulaman atau dijadikan hiasan pada pelbagai jenis hidangan.

Sayur cantik berona hijau ini sangat enak dimakan ketika masih segar dengan teksturnya yang rangup.

Sebenarnya, sayur ini boleh cuba ditanam di halaman rumah sahaja menggunakan kaedah penanaman poli beg atau pun hidroponik.

Menurut dua orang peserta Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) Usahawan Tani (IPR-INTAN) di Universiti Putra Malaysia (UPM), (IPR-INTAN@UPM), salad adalah sayur hijau yang mudah untuk ditanam dan dituai di rumah.

Alumni Bachelor Sains Hortikultur, UPM, Nur Anissa Mat Nordin, 24, berkata, kini beliau sedang mengusahakan dua jenis salad iaitu *Roman lettuce* dan *Green Coral Lettuce* bersama-sama peserta IPR-INTAN@UPM.

"Penanaman salad dan pokok berbuah mempunyai perbezaan pengendaliannya. Tanaman berbuah memerlukan baja yang banyak dan pengendalian lebih berbanding sayuran berdaun yang lebih mudah cara penjagaannya.

"Bagi *Green Coral Salad* saiznya panjang dan tepi daun yang kerinting. Biasa salad ini akan dihidangkan bersama nasi ayam kerana kerangupannya.

"Apabila ditanam sendiri di rumah ia lebih jimat, malah lebih menarik boleh dipetik terus salad segar di dalam polibeg," jelasnya.

Manakala, *Romaine Lettuce* pula mempunyai bentuk yang besar, memanjang, daun yang bujur dan rasanya rangup dan manis.

Lapisan luar daunnya berwarna hijau gelap bersaiz lapan hingga sembilan inci panjang. Warna lapisan dalam daunnya pula berwarna kuning kehijauan.

## Mudahnya tanam salad



**NUR Anissa Mat Nordin dan Siti Mazatul Hawiyah Mohd.** Pu'ad sedang mengusahakan dua jenis salad iaitu *Roman lettuce* dan *Green Coral Lettuce*.

**LAHIR PETANI MODEN**  
Inisiatif penganjuran program berkenaan bertujuan melahirkan petani moden

“Apabila ditanam sendiri di rumah ia lebih jimat, malah lebih menarik boleh dipetik terus salad segar di dalam polibeg.”

**NUR ANISSA MAT NORDIN**

selain membekalkan ilmu perniagaan tani kepada peserta untuk dimanfaatkan di masa depan.

Program itu adalah kerjasama UPM dan Kementerian Ekonomi yang melibatkan peserta golongan B40 untuk meningkatkan

pendapatan mereka melalui pertanian berteknologi tinggi.

### JIMAT, LEBIH SIHAT

Tambah Nur Anissa, menanam sendiri salad dapat menjimatkan perbelanjaan, bebas bahan kimia berbahaya serta kesegaran dan khasiat terjamin.

Katanya, selepas tamat IPR INTAN UPM, dia akan membuka ladang salad di Labis, Johor demi menggalakkan masyarakat di Malaysia mengamalkan pengambilan sayur tinggi khasiat itu.

Bagi Alumni Bachelor Sains Hortikultur, UPM, Siti Mazatul Hawiyah Mohd. Pu'ad, penanaman salad dapat mengatasi masalah keterjaminan makanan dan memastikan penyimpanan makanan yang cukup.

"Sayuran beriklim sejuk seperti *Salad Romaine* dan *Green Coral Lettuce* ditanam di kawasan beriklim sejuk dengan suhu udara di antara 18 - 21 selsius.

"Bagaimana pun, sebagai alternatif kepada kebergantungan sayuran dan buah-buahan import, penanaman sayuran beriklim sejuk seperti salad dapat memberi hasil tanaman setanding dengan tanaman dari kawasan beriklim sejuk. "Kelebihan menanam sayur hijau, bayangkan anda memetik sayuran di belakang rumah dan terus dimasak. Sudah tentu rasanya lebih segar dan enak berbanding sayuran yang dibeli," kongsiannya.

Wanita berusia 25 tahun itu juga mahu membuka sebuah ladang sayuran di rumah dan mendedahkan kepada masyarakat untuk sama-sama menanam sayur-sayuran di rumah pada masa akan datang.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/8/2024	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1

Isu batal kuota pekerja asing


# Harga sayur dijangka naik 25 peratus

Dua persatuan pengusaha ladang sayur terbesar negara memberi alasan kenaikan harga sayur di pasaran sehingga 25 peratus mulai bulan depan jika isu kuota pekerja asing terus membelenggu pengusaha ladang.

**Eksklusif**

▶ Menjelang pertengahan Ramadan sehingga 25 peratus tenaga kerja yang majoriti warga Indonesia pulang ke negara asal untuk bercuti panjang Aidilfitri antara dua hingga tiga bulan menyebabkan pengeluaran berkurang dengan ketara.

▶ Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia dan Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands menjangka masalah bekalan akan lebih buruk jika kerajaan membatalkan kuota pekerja asing yang tidak digunakan sebelum 31 Mac ini serta tidak segera meluluskan jumlah buruh yang dimohon.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	3

# Harga sayur naik 25 peratus jika batal kuota pekerja asing

Bekalan lebih buruk pada Mei dan boleh berlarutan hingga Julai

Oleh Mohamed Farid Noh dan Suzalina Halid  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dua persatuan mewakili pengusaha sayur terbesar di negara ini menjangkakan harga sayur akan mengalami kenaikan sehingga 25 peratus mulai bulan depan sekiranya isu kuota pekerja asing terus membelenggu mereka.

Ini berikutan kekurangan pekerja asing yang kritikal masih dialami sektor berkenaan sehingga ia menjejaskan bekalan serta diburukkan lagi dengan langkah kerajaan membatalkan kuota pekerja asing yang tidak digunakan sebelum 31 Mac ini.

Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia menjangkakan bekalan mula terjejas bulan depan manakala Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands menjangkakan 'bekalan lebih buruk pada Mei dan boleh berlarutan hingga Julai'.

Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia, Lim Ser Kwee, berkata jangkaan itu dibuat berdasarkan pengalaman pengusaha sayur yang berdepan senario kekurangan tenaga buruh kritikal ketika penularan wabak COVID-19 dahulu.

"Kita jangkakan mulai bulan depan harga sayur akan melonjak sehingga 25 peratus kesan daripada kekurangan tenaga kerja kritikal disebabkan pembatalan kuota pekerja asing yang tidak digunakan itu."

"Ramai yang tidak tahu setiap kali menjelang pertengahan Ramadan antara 15 hingga 25 peratus tenaga kerja yang majoritinya warga Indonesia akan pulang ke negara asal untuk bercuti Aidilfitri."

"Mereka selalunya bercuti panjang antara dua hingga tiga bulan. Sebab inilah, biasanya harga sayur akan melambung pertengahan Ramadan dan semakin buruk selepas Aidilfitri."

Bagi Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid, antara jenis sayur yang terjejas pengeluaran antara 30 hingga 40 peratus di Cameron Highlands ialah jenis berbuah

**Bekalan sayur bakal terjejas 40 peratus**



Keratan akhbar BH, semalam.

dan berbuah seperti kobis, kailan, sawi, tomato, cili serta terung.

Atas dasar itu, katanya kerajaan diminta mengkaji semula pembatalan kuota pekerja asing yang tidak digunakan secara blanket kerana sektor pertanian masih memerlukannya.

"Malah, rayuan daripada persatuan sayur-sayuran sudah dibuat supaya kerajaan mengkaji semula bagi memastikan bekalan tidak terjejas dan tidak membatalkan permohonan pekerja asing dibuat persatuan."

"Sebelum ini permohonan bagi pekerja dalam sektor pertanian membabitkan kebun sayur, bunga dan ladang teh di Cameron Highlands adalah sebanyak 8,000 orang."

"Namun kini separuh daripadanya sudah diisi khususnya ladang teh namun bagi kebun sayur kira-kira 4,000 pekerja asing masih diperlukan. Jika tidak bermula Mei nanti kita bimbang bekalan akan terjejas," katanya kepada BH.

BH dalam laporan muka depan semalam menyebut, pengeluaran sayuran negara dijangka merosot sehingga 40 peratus mulai bulan depan susulan krisis tenaga kerja apabila kerajaan membatalkan kuota pekerja asing yang tidak digunakan sebelum 31 Mac ini.

Senario itu akan menyebabkan harga sayuran di pasaran akan meningkat mendadak disebabkan bekalan berkurangan dengan hasil sayuran tidak dapat dikeluarkan seperti biasa, susulan kekurangan tenaga kerja kritikal.



Industri penanaman sayur-sayuran di Cameron Highland akan terjejas jika isu pekerja asing masih tak selesai. (Foto hiasan.)

## Eksklusif

Mengulas lanjut, Syed Abd Rahman berkata, selain pekerja asing, faktor cuaca juga boleh memberi kesan kepada pengeluaran bekalan sayur.

### Harga boleh distabilkan

Namun, katanya faktor harga boleh distabilkan sekiranya terdapat bekalan import dari negara jiran seperti Thailand namun ia sukar diramalkan.

"Keperluan pekerja asing memang kritikal sebab pekerja tempatan termasuk Orang Asli tidak berminat untuk bekerja di kebun, sebaliknya lebih cenderung di restoran atau hotel."

"Kita tidak faham ada majikan yang membawa masuk pekerja dalam bilangan ramai tetapi tidak diberikan kerja, sedangkan di Cameron Highlands kita ber-

depan kekurangan pekerja," katanya.

Beliau berkata, pihaknya melihat kekurangan pekerja asing semakin ketara selepas Mei kerana terpaksa pulang ke negara asal kerana permit tamat tempoh dan tidak boleh diperbaharui.

Katanya, pihak persatuan tidak boleh meminta lebih pekerja daripada syarikat lain kerana kaedah itu tidak dibenarkan.

"Kita meminta Kementerian Dalam Negeri (KDN) melakukan pemeriksaan dan melaksanakan tindakan berdasarkan kes dan bukannya secara keseluruhan."

"Selain itu, kaedah kedua ialah pekerja asing yang tidak dibenarkan menyambung permit supaya diberi kelonggaran untuk berbuat demikian dalam sektor pertanian," katanya.

Dalam pada itu, Ser Kwee berkata, gabungan dua faktor iaitu tenaga kerja pulang bercuti Aidilfitri lama dan pembatalan kuota pekerja asing, bakal menjadi mimpi ngeri sektor pertanian sayuran negara.

Katanya, senario berkenaan mampu mengulangi insiden ladang sayur negara hampir lumpuh susulan ketiadaan pekerja ketika COVID-19 pada 2020 dan 2021.

"Jika industri pertanian alami kekurangan tenaga buruh kritikal, maka hasil sayuran turut akan berkurangan dengan signifikan dan ia akan menjejaskan rantaian bekalan menyebabkan harganya melambung," katanya sambil berharap kerajaan campur tangan termasuk mengecualikan pembatalan kuota pekerja asing yang tidak digunakan khusus untuk sektor pertanian sayur.

Katanya, langkah itu penting bagi membolehkan lebih 2,000 ladang sayur di seluruh negara tidak mengalami isu kekurangan tenaga buruh kritikal.

### FAKTA

- Pekebun Cameron Highlands agih 1,000 tan sayur sehari sayuran ke seluruh negara.

- 200 hingga 350 tan sayur tempatan dieksport ke Singapura setiap hari

- Lebih 35,000 pekerja asing diperlukan di ladang sayur seluruh negara

• Kerajaan diminta kaji semula batal kuota pekerja asing yang tidak digunakan secara blanket kerana sektor pertanian masih perlukannya



Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid, Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands

• Kita jangkakan mulai bulan depan harga sayur akan melonjak sehingga 25 peratus kesan daripada kekurangan tenaga kerja kritikal



Lim Ser Kwee, Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2024	HARAKAH	TIMUR	H15

## Pasar Borong Pasir Puteh rancak sektor agromakanan

**PASIR PUTEH:** Pasar Borong Awam Pasir Puteh yang lengkap dengan pelbagai kemudahan mampu merancakkan sektor pertanian dan agromakanan di Kelantan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pembinaan pasar itu secara tidak langsung menyahut seruan kerajaan negeri dalam bidang sekuriti makanan negara.

“Kita mengalu-alukan orang ramai untuk sama-sama memeriahkan pasar borong yang telah dinaiktaraf dengan kemudahan yang lebih selesa,” katanya pada program solat hajat di pasar borong tersebut baru-baru ini.

Hadir sama Adun Limbongan, Nor Asilah Mohamed Zin; Yang Dipertua Majlis Daerah Pasir Puteh, Ahmad Adlee Yasin dan Pengarah Fama negeri, Wan Faizatul Aniza Ismayatim.

Projek menaik taraf Pasar Borong Awam Pasir Puteh melibatkan kos kira-kira RM1 juta, kini beroperasi sepenuhnya.

# Galak anak muda usaha tanah terbiar

**KOTA BHARU:** Kerajaan negeri sedia mempertimbangkan cadangan pengecualan bayaran sewa bagi menggalakkan anak-anak muda mengusahakan tanah terbiar.

Selain itu cadangan membangunkan pusat pengumpulan dan penternakan di kampung-kampung.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, perkara itu akan dibincang dengan agensi dan jabatan berkaitan.

Katanya, pasrakan khas yang akan bertindak sebagai orang tengah bagi menguruskan hasil pertanian dan penternakan.

"Petanian itu juga akan di-

laksanakan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan," katanya di sini.

Pada sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) minggu lepas Adun Chetok Zuraidin Abdullah mengemukakan cadangan tersebut untuk dipertimbangkan kerajaan negeri untuk menarik minat golongan muda menceburi sektor pertanian.

Tuan Mohd Saripudin juga berkata, ketersediaan modal merupakan punca utama kurang minat dalam kalangan anak-anak muda menceburi sektor pertanian dan penternakan.

Selain itu gangguan binatang, serangga, penyakit dan perubahan iklim yang

tidak menentu juga menjadi halangan.

Menurutnya juga pada tahun lepas faktor cuaca dan el nino memberi kesan kepada pengeluaran hasil pertanian.

"Hasil padi di Kelantan tahun 2023 merosot 30 peratus yang melibatkan kerugian kira-kira RM2.7 juta.

"Kemosotan hasil padi tersebut melibatkan kawasan seluas 7,800 hektar membabitkan seramai 1,123 petani," ujarnya.

Bagaimanapun kata beliau sektor pertanian meningkat sebanyak 22.8 peratus kepada ekonomi Kelantan, kedua di belakang sektor perkhidmatan (69.2 peratus).



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail meninjau kebun durian yang diusahakan bekas kakitangan kerajaan.